

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN

TARIKH : 31 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9330

SOALAN:

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan cara mengatasi masalah kejadian rompakan dan kecurian yang sering berlaku di bandar Lee Tat dan bandar Kim Fung di Sandakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memberi perhatian yang serius akan kebimbangan rakyat terhadap jenayah walaupun pada hakikatnya adalah mustahil untuk menghapuskan sama sekali kejadian jenayah yang berlaku di negara ini. Namun ianya tidak menghalang agensi-agensi penguatkuasa di bawah kawalan Kementerian untuk terus melaksanakan program-program pencegahan jenayah dengan memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah dan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) termasuk '*Blue Ocean Policing*' untuk memerangi jenayah secara holistik. Antara program pencegahan jenayah yang telah diperkenalkan adalah seperti berikut:

- i) Melaksanakan Kempen Bersama Membanteras Jenayah atau *United Against Crime* (UAC) bagi meningkatkan penyertaan masyarakat bersama pihak berkuasa untuk membanteras jenayah;**

- ii) Program *Go-To-Safety Points* yang melibatkan kerjasama di antara pihak berkuasa dengan pihak swasta di mana pekerja syarikat-syarikat yang menyertai program ini iaitu *7-Eleven*, *Pos Malaysia Bhd*, *Stesen Minyak Petron* dan *Stesen Minyak Shell* dilatih oleh PDRM untuk memberikan bantuan awal sekiranya telah berlaku kejadian jenayah;**

- iii) Program "*Community Policing*" adalah usaha PDRM untuk mendekati masyarakat bagi memberi keyakinan tentang kehadiran polis bersama masyarakat dalam usaha mencegah jenayah. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh PDRM agar dapat mendekati serta menjalinkan hubungan baik dengan masyarakat seperti mengadakan pameran, hari bersama pelanggan, mengadakan ceramah, dialog, lawatan ke sekolah-sekolah dan sebagainya;
- iv) Konsep Tangan Bersalaman melalui Jawatankuasa Penduduk telah ditubuhkan bagi membantu menangani isu kesejahteraan bandar dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Salah satu peranan jawatankuasa ini adalah menjadi mata dan telinga kepada pihak polis dalam mencegah jenayah. Ahli-ahli Jawatankuasa diberi kursus ringkas mengenai cara-cara mencegah jenayah dan cara-cara untuk menyampaikan maklumat;
- v) Mewujudkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) bertujuan untuk bertindak dengan cepat ke atas sesuatu kejadian jenayah dan juga berperanan melaksanakan *Stop and Talk* dengan masyarakat bagi memperoleh maklumat untuk menangani masalah jenayah. Sehingga kini sejumlah 2,818 unit motosikal telah diagihkan ke seluruh Negara;
- vi) Inisiatif *Whitening Black Spot* di mana PDRM bersama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meningkatkan pencahayaan pada waktu malam di kawasan yang berisiko berlaku jenayah,

membina rel pengadang di laluan pejalan kaki, memasang cermin keselamatan, memasang CCTV di tempat tertentu dan sebagainya. Dengan pelaksanaan inisiatif ini, ia telah mengurangkan kadar jenayah jalanan di seluruh negara. Kerjasama ini juga turut melibatkan agensi lain seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Langkah-langkah ini diambil dengan tujuan mewujudkan “Zon Komuniti Selamat” supaya masyarakat merasa selesa dan selamat. Bagi tahun 2016, sebanyak 40 kawasan telah dilaksanakan sistem ini di seluruh negara.

Disamping itu, keupayaan PDRM dalam menangani masalah jenayah telah diperkasakan dengan inisiatif seperti berikut:

- i) Pihak PDRM juga telah menubuhkan Pasukan *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) bagi membanteras kegiatan pengedaran dadah, penubuhan Pasukan *Special Task Force For Anti Vice, Gaming And Gangsterism* (STAGG) bagi tujuan penguatkuasaan anti kongsi gelap dan perjudian, penubuhan Pasukan *Special Task Force On Organised Crime* (STAFOC) bagi tujuan pencegahan jenayah berat dan terancang; dan
- ii) Kerajaan juga telah menggubal undang-undang bagi membendung jenayah ini seperti Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 2014.

Matlamat untuk mengurangkan kadar jenayah tidak akan tercapai tanpa kerjasama dan keyakinan masyarakat kepada pihak penguatkuasa. Masyarakat mempunyai tanggungjawab bersama untuk memerangi jenayah dengan berganding bahu untuk menyalurkan maklumat serta menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa. Segala perbezaan politik dan fahaman agama perlu diketepikan demi untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara.